

30 AUG 2002

MDV-PERMOHONAN/I

MALAYSIA DEBT VENTURES TINJAU PERMOHONAN MELEBIHI RM1 JUTA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), yang dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, mahu menarik permohonan melebihi RM1 juta bagi setiap projek di bawah dana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bernilai RM1.6 bilion yang disokong oleh Jepun.

"Kami mahu melihat permohonan melebihi RM1 juta," kata pengarah urusan dan ketua pegawai eksekutif MDV Jiro Suzuki.

Beliau berkata bagi permohonan melebihi RM120 juta untuk sebuah projek, MDV perlu merujuk kepada Japan Bank for International Cooperation (JBIC).

Sehingga kini, kira-kira 40 bakal peminjam telah menunjukkan minat mereka, katanya pada sidang media selepas pelancaran berkenaan.

MDV, anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan merupakan pengurus dana ICT bernilai RM1.6 billion itu.

Pinjaman RM1.6 bilion itu diberikan oleh kerajaan Jepun melalui JBIC kepada kerajaan Malaysia pada February tahun ini.

Suzuki berkata tempoh pinjaman antara kedua-dua kerajaan itu adalah untuk 12 tahun.

Dana ICT itu menyediakan pembiayaan inovatif bagi projek yang berasaskan kontrak, projek-projek ICT serah kunci dengan nilai tambah tinggi atau pembelian sekali jus bagi usahawan dalam sektor awam dan swasta.

Terdapat tiga jenis pembiayaan yang meliputi dana itu -- pinjaman berasaskan projek, jaminan kepada bank dan pembiayaan eksport.

Suzuki berkata dana itu dibuka kepada mana-mana syarikat atau usahawan yang berkaitan dengan ICT.

"Ia bukan hanya untuk sektor ICT yang terhad kepada pemaaju perisian dan usahawan tekno," katanya.

Syarikat-syarikat itu boleh sama ada yang baru hendak memulakan perniagaan, syarikat yang disenarai awam, dengan atau tanpa status MSC, atau syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan 100 peratus dimiliki warga asing.

Suzuki berkata MDV telah menerima bahagian pertama dana berkenaan berjumlah RM311 juta. Beliau yakin bahawa jumlah itu akan dikeluarkan sepenuhnya dalam masa setahun.

Faedah yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding institusi kewangan.

Sementara itu, pengerusinya Dr Abdul Samad Alias berkata MDV akan meluluskan permohonan dengan cepat dan tepat yang dipanggil sebagai "empat minggu proses ketekunan wajar dan membuat keputusan".

"Kami menyedari bahawa untuk menjadi pembiaya inovatif bertaraf dunia dan fasilitator pembangunan, kami perlu menjadi proaktif dan tidak menunggu permohonan pinjaman datang dengan sendiri," katanya.

Tidak seperti institusi kewangan, beliau berkata tiada sebarang syarat tertentu bagi sejarah korporat. Bagaimanapun MDV akan memberi penekanan kepada kekuatan pengurusan dan pengalaman teknikal.

MDV bermula tahun lepas sebagai sebahagian Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP).

MDV yang ditubuhkan pada 23 April lepas, telah diberi mandat untuk melaksanakan hutang teroka. -- BERNAMA

LES ZP NHD